

19/03/2001

Dr M dijangka panggil BN Sarawak bincang pilihan raya

Amirullah Andi Nur

MIRI, Ahad - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka memanggil semua parti komponen Barisan Nasional (BN) Sarawak dalam tempoh terdekat ini untuk berbincang mengenai pilihan raya negeri akan datang.

Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam berkata, mesyuarat majlis tertinggi BN di ibu negara Jumaat lalu, tidak sempat membincangkan topik itu berikutan kesuntukan masa.

"Mesyuarat tempoh hari terlalu banyak bertumpu kepada agenda sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah sehingga tidak sempat menyentuh mengenai topik ini.

"Kita kena tunggu mesyuarat seterusnya dalam tempoh terdekat ini yang bakal ditetapkan oleh Presiden parti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada mesyuarat Majlis Tertinggi BN di ibu negara Jumaat lalu turut membincangkan topik pilihan raya negeri kelapan.

Dr Chan yang juga Presiden Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) berpendapat, Perdana Menteri selaku Pengerusi BN memerlukan banyak masa bagi membincangkan topik itu sehingga memilih menangguhkannya pada mesyuarat akan datang.

"Mungkin ada beberapa keputusan penting perlu dibuat membabitkan topik pilihan raya negeri hingga menyebabkan Presiden parti mahu ia dibincangkan secara mendalam dalam mesyuarat akan datang," katanya.

Ketika ditanya kemungkinan mesyuarat itu akan diadakan sebelum penghujung bulan ini, Dr Chan berkata: "Itu saya tak berani nak kata, tapi ia dijangka diadakan dalam tempoh terdekat ini."

Selain SUPP, komponen BN Sarawak turut dianggotai Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

Pilihan raya negeri Sarawak yang kelapan perlu diadakan sebelum 8 November ini, serentak dengan berakhirnya tempoh pemerintahan kerajaan negeri sekarang.

Dalam perkembangan lain, Dr Chan yang juga Menteri Kewangan dan Kemudahan Awam negeri mengesahkan Sarawak turut mengalami kesan daripada kejatuhan ekonomi Amerika Syarikat.

Katanya, industri elektronik adalah yang paling teruk terjejas berikutan negara itu menjadi antara pengimport utama barangan berkenaan.

"Bagaimanapun, perkembangan itu tidak memberi kesan menyeluruh kerana Sarawak turut terbabit dengan pelbagai jenis industri lain seperti pertanian," katanya.

(END)